



JURNAL LINGUISTIK Vol. 28 (1) Mei 2024 (100-118)

Komunikasi Intralinguistik dalam Kemahiran Berbahasa Penutur Asing

¹Juwairiah Osman & ²Mardian Shah Omar

¹juwairiahosman@gmail.com, ²mardianso@um.edu.my

*Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya.*

Tarikh terima : 30 Mac 2024
Received
 Terima untuk diterbitkan : 25 Mei 2024
Accepted
 Tarikh terbit dalam talian : 31 Mei 2024
Published online

Abstrak

Kemahiran komunikasi berbahasa Melayu oleh penutur asing memerlukan kaedah penyampaian ilmu yang sistematik dan pendekatan yang berkesan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan membincangkan aspek nahu yang dikenal sebagai intralinguistik dan berfokus kepada susunan kata dalam komunikasi. Susunan kata dilihat sukar difahami oleh penutur asing dalam mempelajari bahasa Melayu dan hal ini menjejaskan motivasi penutur tersebut. Seterusnya, analisis dan perbincangan mengutarakan satu panduan yang dapat menangani isu tersebut. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif, iaitu analisis teks melalui persampelan rawak berstrata, yang dibincangkan secara deskriptif. Responden kajian terdiri daripada 30 orang penutur asing (PA) yang berasal daripada pelbagai latar belakang, iaitu PA dari Asia Tenggara, Asia Barat, Asia Timur, Afrika dan dua orang tenaga pengajar (TP). Model Gardner (2010) diaplikasikan dalam mengupas secara deskriptif dan kritis tentang hasil dapatan. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya satu hubungan di antara aspek intralinguistik dengan pemahaman dan motivasi serta minat penutur asing terhadap bahasa Melayu ketika berkomunikasi. Maka, boleh disimpulkan bahawa aspek intralinguistik sangat penting difahami dan diaplikasikan oleh tenaga pengajar dan penutur asing dalam komunikasi bahasa Melayu. Kajian ini juga mendapati bahawa aspek susunan kata yang menitikberatkan pengaruh bahasa kedua, pengaruh bahasa ibunda dan golongan kata dapat membantu pemahaman dan meningkatkan motivasi penutur asing yang datang daripada pelbagai latar belakang dalam penguasaan bahasa Melayu. Kajian ini mencadangkan penyelidikan masa akan datang dilakukan berkaitan aspek nahu (intralinguistik) selain daripada susunan kata dalam konteks penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa asing.

Kata kunci: aspek intralinguistik, komunikasi, Model Gardner, penutur asing, susunan kata

Intralinguistic Communication in the Speaking Proficiency of Foreign Speakers

Abstract

Malay communication proficiency by foreign speakers require a systematic knowledge delivery method and an effective approach. This study aims to analyze and discuss aspects of language known as intralinguistics and focuses on word order in communication. Word order is seen as difficult for foreign speakers to understand in learning Malay and this affects the speaker's motivation. Next, analysis and discussion suggest a guide that can solved with the issue. This study applies a qualitative method, namely text analysis through stratified random sampling, which is discussed descriptively. The study respondents consisted of 30 foreign speakers (PAs) from various backgrounds, namely PAs from Southeast Asia, West Asia, East Asia, Africa and two teaching staff (TP). Gardner's model (2010) was applied in descriptive and critical analysis of the findings. The findings of the study show that there is a relationship between intralinguistic aspects and foreign speakers' understanding and motivation and interest in the Malay language when communicating. Therefore, it can be concluded that the

intralinguistic aspect is very important to be understood and applied by teachers and foreign speakers in Malay communication. This study found that aspects of word order that emphasize the influence of the second language, the influence of the mother tongue and word order can help the understanding and increase the motivation of foreign speakers who come from various backgrounds in the proficiency of the Malay language. This study suggests that future research should be done on aspects of grammar (intralinguistics) besides than word order in the context of the Malay's proficiency as a foreign language.

Keywords: *intralinguistic's aspect, communication, Gardner's Model, foreign speakers, word order*

1. Pengenalan

Penguasaan bahasa asing semakin penting pada masa kini kerana impaknya kepada komunikasi global. Menurut Klimova (2021b), penguasaan bahasa asing dapat meningkatkan tahap kognitif dan keyakinan seseorang terutama apabila mereka menggunakan bahasa asing ketika mengembara ke luar negara. Beliau juga berpendapat bahawa penguasaan bahasa asing masih memberi impak yang besar kepada seseorang walaupun aktiviti pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian ketika dunia berhadapan dengan pandemik COVID-19 (Klimova, 2021a) sebelum ini. Ware, Dautricourt, Gonneaud & Chételat (2021) pula menyatakan bahawa penguasaan bahasa asing dapat meningkatkan tahap kognisi seseorang yang akan mempengaruhi kecekapan mindanya dalam komunikasi. Ahlam et al. (2022) pula menegaskan bahawa kemahiran komunikasi bahasa asing dalam kalangan pelajar antarabangsa adalah sangat penting dan mereka memerlukan pendekatan yang benar-benar mengikut tahap keupayaan kognitif seseorang penutur asing. Beliau juga menyifatkan penguasaan bahasa asing sebagai kunci utama penutur asing berjaya dalam sesuatu bidang.

Sarjana-sarjana telah banyak membincangkan kajian mengenai penguasaan bahasa Melayu untuk penutur asing. Namun, masih terdapat kelompangan yang harus diteliti oleh para pengkaji kini, iaitu seperti yang disarankan dalam kajian Marene et al. (2022); Zeckqualine et al. (2020); Mardian Shah et al. (2019) & (2015); Junaini et al. (2018); Hasmidar et al. (2018); Siti Saniah (2017) dan Zaliza (2015). Misalnya, Marene et al. (2022) mengupas kepentingan penggunaan e-buku interaktif dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing. Zackqualine et al. (2020) menghuraikan jenis-jenis kesalahan tatabahasa dari aspek ortografi, leksikal, kelewahan dan hukum D-M. Beliau ingin menghuraikan dengan lebih mendalam terhadap salah satu aspek tersebut, iaitu hukum D-M dalam konteks padanan makna bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Mardian Shah et al. (2019) menghuraikan tentang penggunaan internet dalam membantu penutur asing memahami frasa bahasa Melayu. Junaini et al. (2018) telah membangunkan kit video pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing yang menggabungkan pakej bahasa dan budaya kerana kebanyakan penutur asing gemar untuk mengetahui tentang budaya Melayu. Kajian tersebut menunjukkan maklum balas yang positif terhadap kit video yang dibangunkan. Namun, kit video tersebut tidak memaparkan padanan kata bahasa Melayu – bahasa Inggeris yang mana pengkaji percaya padanan kata ini sedikit sebanyak dapat membantu penutur asing. Hasmidar et al. (2018) pula membincangkan tentang kesalahan makna dan nahu, binaan frasa, imbuhan dan aspek yang terlibat dalam morfologi bagi penguasaan bahasa Melayu kepada penutur asing. Zaliza (2015) mengupas tentang kekangan penguasaan tatabahasa bahasa Melayu oleh pelajar asing di sebuah universiti awam. Sungguhpun penyelidikan terdahulu membincangkan ayat komunikasi para guru, namun kajian ini pula membincangkan aspek yang digunakan oleh penutur asing itu sendiri dalam komunikasi sama ada bertulis ataupun perbualan. Berdasarkan kesemua kajian di atas dapat diperhatikan setiap hasil kajian bertujuan membantu penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing. Begitu juga kajian intralinguistik ini, namun kajian intralinguistik menjurus kepada membantu penutur asing dalam memahami susunan kata bagi ayat mudah bahasa Melayu yang dipengaruhi bahasa sumber yang seterusnya membawa kepada pengrekonstruksian sebuah model.

Selain itu, penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan penutur asing ini juga penting dalam proses penyebaran bahasa Melayu ke peringkat global yang dapat dilakukan dengan usaha pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing melalui kelas-kelas secara formal. Hal ini disebabkan penutur

asing yang mempelajari bahasa Melayu akan menjadi ejen penyebar bahasa Melayu secara langsung atau tidak langsung (Mardian Shah, 2020).

Dalam konteks sumbangan komunikasi bahasa Melayu kepada penutur asing mahupun penguasaan bahasa asing bagi mana-mana bahasa, dapat diperhatikan bahawa bahasa memainkan peranan yang positif terhadap masyarakat. Hal ini dapat dilihat melalui kajian King (2018) yang menyatakan bahawa seseorang penutur bahasa yang mempelajari lebih daripada satu bahasa, iaitu multibahasa akan mempunyai gaya hidup global yang dibanggakan. Menurut beliau lagi, hal ini menjadikan seseorang itu mudah bersikap positif terhadap masyarakat pelbagai bangsa dan menyumbang kepada tatacara hidup yang lebih baik dan memudahkan urusan orang lain. Maka, pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing mahupun penguasaannya perlu dipandang serius dalam pelbagai aspek terutama keberkesanan pengajaran. Walaupun kajian terhadap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan penutur asing telah banyak dilakukan, namun penelitian terhadap aspek intralinguistik dengan tumpuan kepada susunan kata dalam ayat masih belum ditemui. Aspek intralinguistik ialah aspek internal bahasa seperti tatabahasa dan peraturan sistem sesuatu bahasa. Contohnya, golongan kata yang dipelajari secara formal (Norliza, 2008). Hal ini disokong dengan jelas dalam kajian Juwairiah Osman et al. (2021) yang menyarankan kajian aspek intralinguistik yang berkaitan dengan kata dan ayat dalam penguasaan bahasa Melayu kepada penutur asing atau pelajar antarabangsa dijalankan agar pembelajaran lebih berkesan dan kekal diminati. Berdasarkan kajian yang dilakukan, antara aspek intralinguistik yang dapat membantu penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan penutur asing adalah susunan kata. Susunan kata ini yang disebut dalam bahasa Inggeris sebagai *word order* merupakan satu aspek intralinguistik yang begitu meluas digunakan dalam pembelajaran bahasa asing di luar negara (Kunjana et al., 2019; Rohaidah et al., 2018 & 2015 dan Gaukroger, 2012). Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis aspek intralinguistik dalam komunikasi yang berfokus kepada susunan kata yang dilihat sukar difahami oleh penutur asing dalam mempelajari bahasa Melayu dan seterusnya memberi satu panduan yang dapat menangani isu tersebut.

1.1 Permasalahan Kajian

Penutur asing menghadapi kesukaran bagi memahami susunan kata dalam komunikasi berbahasa Melayu yang mengakibatkan mereka sukar untuk menguasai kemahiran berbahasa. Menurut Schosler (2014), susunan kata adalah antara sistem bahasa yang tergolong sebagai faktor intralinguistik. Isu kebolehan komunikasi dan kemahiran berbahasa Melayu oleh penutur asing yang dibicarakan oleh sarjana-sarjana tempatan terdahulu kurang meneliti dan mengungkap aspek intralinguistik, khususnya penelitian terhadap sistem bahasa atau nahu, khususnya susunan kata (Mardian Shah et al., 2015). Ini menyebabkan motivasi pelajar asing terjejas. Situasi ini menunjukkan perlunya satu kajian mengkaji aspek susunan kata secara lebih mendalam. Selanjutnya, Noor Zuhidayah et al. (2016) dan Siti Saniah (2017 & 2013) menyatakan bahawa aspek kata dan ayat dalam pembelajaran bahasa Melayu penutur asing berhubung kait dengan keberkesanan pembelajaran dan memberi kesan terhadap motivasi dan minat mereka. Menurut Jiang (2009) dan Williams (2016), aspek susunan kata (*word order*) dapat membantu penguasaan bahasa penutur asing melalui analisis terhadap ayat dalam topik-topik yang sering digunakan. Beliau juga mengatakan susunan kata ini perlu dilihat daripada sudut pengaruh bahasa ibunda atau bahasa kedua yang dikuasai oleh penutur asing. Oleh itu, kajian ini meneliti aspek susunan kata memandangkan sehingga kini masih kurang penulisan dalam kalangan sarjana tempatan yang meneliti aspek susunan kata (salah satu faktor intralinguistik) dalam isu penguasaan bahasa Melayu yang dipelajari penutur asing daripada pelbagai latar belakang di institusi pengajian tinggi di Malaysia.

2. Isu Penguasaan Bahasa Melayu untuk Penutur Asing dalam Kemahiran Komunikasi

Pengkaji terdahulu banyak membicarakan tentang keberkesanan pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu oleh penutur asing, namun pengkaji lepas sentiasa menggalakkan kajian baharu dalam pelbagai aspek bagi subbidang ini kerana masih banyak aspek perlu diperhalusi. Dalam hal ini pembelajaran dan penguasaan bahasa itu sendiri mempunyai perbezaan. Menurut Woolfolk (2004), pembelajaran ialah proses seseorang itu mengalami perubahan dalam pengetahuan yang seterusnya akan membawa kepada perubahan dalam pengetahuan tersebut dan tingkah laku. Zuraini (2018) mengatakan bahawa

pembelajaran bahasa mempunyai maksud yang tersendiri, iaitu proses pembelajaran bahasa berlaku dalam situasi sedar dan diketahui terhadap seseorang penutur bahasa dalam empat kemahiran berbahasa, iaitu mendengar, membaca, menulis dan bertutur. Dalam konteks bahasa asing, penutur dianggap telah melalui proses pemerolehan bahasa dan kemudian akan melalui pembelajaran bahasa kedua, ketiga dan sebagainya. Hal ini memerlukan penutur tersebut menguasai asas sistem bahasa dengan baik bagi memudahkan kemahiran berbahasa pada peringkat seterusnya. Selanjutnya, penutur asing yang mempelajari bahasa Melayu melalui pelbagai kaedah termasuklah pembelajaran dalam kelas, luar kelas, latihan, pelaziman hingga membentuk tabiat bertutur atau komunikasi dalam pertuturan (Zuraini, 2018). Keadaan ini mewujudkan satu fenomena pembelajaran bahasa yang menarik, iaitu proses pembelajaran asas yang kukuh amat perlu ditekankan bagi membolehkan penutur asing menguasai bahasa asing pada peringkat pertengahan dan lanjutan.

Konteks penguasaan bahasa dapat dikaitkan dengan situasi seseorang penutur bahasa mempelajari sesuatu bahasa hingga cekap dan mahir dalam satu-satu tahap kemahiran komunikasi berbahasa termasuklah kemahiran mendengar, kemahiran membaca, kemahiran bertutur dan kemahiran menulis (Juwairiah et al., 2021). Dalam konteks penguasaan bahasa asing pula, Muhammad Safuan et al. (2021) berpandangan bahawa kemahiran komunikasi berbahasa merupakan situasi penutur asing berusaha mempelajari hingga dapat menguasai bahasa tersebut bagi mencapai matlamat tertentu, iaitu transformasi asimilasi dalam budaya masyarakat (Philipp & Katrin, 2017 dalam Muhammad Safuan et al., 2021). Jiang (2009) pula telah mengkaji aspek pemerolehan dan penguasaan bahasa asing dalam komunikasi pertuturan dan penulisan melalui penekanan pada aspek susunan kata bagi setiap ayat yang diajari kepada penutur asing. Kajian Jiang (2009) melihat pengaruh bahasa ibunda, iaitu bahasa Cina kepada para pelajar di Universiti Queensland, Brisbane, Australia. Dalam kajian ini Wenying Jiang meneliti setiap perkataan (susunan kata) yang dipadankan dengan makna atau diterjemah daripada bahasa pertama dan kedua kepada bahasa Cina (bahasa asing) yang dipelajari dan digunakan dalam komunikasi harian. Kajian beliau menunjukkan setiap susunan perkataan amat bergantung pada tahap penguasaan bahasa pertama yang akan mempengaruhi susunan kata dalam setiap ayat bahasa Cina. Sebanyak 408 ayat komunikasi pertuturan dan penulisan yang dianalisis bagi melihat kesalahan dan kesilapan susunan kata bahasa asing. Namun, ayat dalam penyelidikan ini lebih dilihat dalam komunikasi kerana penguasaan bahasa asing lebih berfokus pada komunikasi dalam pertuturan bagi melihat keberkesanan pembelajaran.

Nuraihan (2018) dalam bukunya bertajuk *Bahasa Melayu untuk Penutur Asing, Isu dalam Pengajaran dan Pembelajaran* telah membincangkan secara terperinci tentang isu-isu, permasalahan dan cadangan penyelesaian bagi kursus bahasa Melayu kepada penutur asing dan pelajar antarabangsa. Isu yang diketengahkan ialah pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing yang dijalankan dalam pelbagai kaedah, namun penutur asing masih belum dapat berkomunikasi dengan baik bersama penutur jati meskipun hanya dalam bentuk ayat asas atau ayat ringkas. Maka, sewajarnya satu pendekatan perlu diperincikan untuk membantu penutur asing menguasai ayat asas ini. Seterusnya, Cho Minsung et al. (2013) mengkaji lima strategi komunikasi bahasa Melayu untuk penutur asing yang berada di sebuah universiti di Seoul, Korea. Strategi komunikasi tersebut dibincangkan melalui ayat-ayat komunikasi dalam penulisan dan soalan perbualan (ujaran). Strategi yang digunakan ialah strategi pengekal, parafrasa, pemindahan secara sedar, rayuan kerjasama dan penggunaan isyarat. Siti Nuur Roihan (2015) dan Zaliza (2015) pula meneliti aspek tatabahasa dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di universiti awam, Malaysia. Zaliza (2015) menghasilkan satu modul ringkas yang menekankan aspek tatabahasa untuk kegunaan komunikasi atau kemahiran berbahasa penutur asing di universiti awam yang dikaji. Namun, kajian ini memfokuskan pada aspek tatabahasa yang lebih spesifik, iaitu tumpuan pada kaedah menyusun kata dalam ayat dan pengaruhnya daripada bahasa sumber. Kajian oleh Siti Nuur Roihan (2015) pula mendapati penutur asing kurang bertutur bahasa Melayu kerana orang sekeliling bertutur dalam bahasa Inggeris, kosa kata yang sangat terhad dan keadaan mereka yang baru sahaja belajar bahasa Melayu.

Dalam hal ini perlu ditegaskan bahawa penutur asing bukan sahaja perlu mengetahui tentang sistem bahasa tetapi perlu belajar menterjemah. Justeru, kemahiran komunikasi atau pertuturan amat penting dalam meningkatkan keberkesanan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan penutur asing. Hal ini selaras dengan matlamat utama kursus yang diwajibkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi,

iaitu Bahasa Melayu Komunikasi untuk pelajar antarabangsa di universiti awam dan swasta yang mensasarkan penutur asing dapat berkomunikasi dengan warga kampus dan masyarakat Malaysia dalam bahasa Melayu pada tahap asas atau ayat ringkas. Berbanding dengan kemahiran mendengar dan membaca, kemahiran komunikasi dalam kalangan penutur asing masih hangat diperkatakan sehingga kini oleh sarjana dan tenaga pengajar. Maka, kajian yang meneliti aspek intralinguistik dalam komunikasi penutur asing dan pembinaan model BMUPA ini dijangka dapat menjadi pemangkin kepada proses pembelajaran dan pengajaran dalam komunikasi bahasa Melayu oleh penutur asing. Malahan, aspek susunan kata dan pengaruh bahasa kedua serta bahasa ibunda ini tidak terdapat dalam sukatan kursus bahasa Melayu <https://jpt.mohe.gov.my/portal/index.php/ms/penerbitan/60-garis-panduan-mata-pelajaran-umum-mpu> kepada pelajar antarabangsa (penutur asing) di universiti di Malaysia secara spesifik.

3. Metodologi Kajian


Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif deskriptif berdasarkan analisis teks melalui persampelan rawak berstrata. Terdapat jadual analisis ringkas untuk melihat aspek intralinguistik yang berfokus pada susunan kata dan dilihat mempengaruhi pemahaman dan minat penutur asing. Penutur asing tersebut merupakan pelajar yang mempelajari bahasa Melayu di universiti awam dan kelas-kelas yang ditawarkan secara terbuka di Malaysia. Kaedah kualitatif dalam kajian ini adalah perbincangan yang dilakukan terhadap jadual analisis yang diperoleh dan perbincangan kritis yang dibuat terhadap susunan kata yang menjadi kesukaran kepada penutur asing. Selepas proses ini dilaksanakan, maka pengkaji membina satu model ringkas bagi memberi alternatif kepada tenaga pengajar dalam memudahkan pemahaman penutur asing dalam mempelajari bahasa Melayu.

Bagi mencapai objektif kajian yang melibatkan beberapa peringkat untuk pemilihan topik dan penerapan, Model Gardner (2010) dirangka seperti yang terkandung dalam Jadual 1 Dalam Jadual 1, enam topik utama yang diajar kepada penutur asing yang berasal dari Asia Barat, Asia Timur, Asia Tenggara dan Afrika dipilih. Topik utama ialah topik yang berkisar hanya untuk penutur asing yang terlibat dalam proses pembelajaran tahap asas, iaitu '*Topik Perihal Diri*', '*Keluarga, Kawan*', '*Makanan dan Minuman*', '*Jalan-jalan*' serta '*Pejabat dan Kampus*'. Proses pengajaran akan melihat bahasa sumber yang digunakan oleh penutur asing. Selepas itu, topik bahasa sumber dan latar belakang penutur asing akan digunakan berdasarkan Model Gardner pada 2010. Model asal diasaskan pada 1959 dan yang terkini ialah pada 2010. Model Gardner mengutarakan enam aspek utama dalam proses pembelajaran bahasa asing, iaitu tetapan pendidikan, kebudayaan, kebolehan, motivasi, konteks formal, konteks tidak formal, linguistik (intralinguistik) dan bukan linguistik (ekstralinguistik). Bagi tujuan kajian ini hanya aspek intralinguistik sahaja yang diteliti.

Jadual 1
Topik SK yang berhubung dengan Model Gardner (2010)

Topik (Susunan Kata/ SK)	Latar Belakang Penutur Asing	Bahasa Sumber (Bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda) dalam Proses Penguasaan Bahasa Melayu	Model Gardner (2010)
SK Topik Perihal Diri (TPD)		Bahasa Inggeris Bahasa Ibunda	
SK Topik Keluarga (TKe)		Bahasa Inggeris Bahasa Ibunda	- Tetapan Pendidikan - Kebudayaan - Kebolehan
SK Topik Kawan (TKa)	- Asia Barat - Asia Timur - Asia Tenggara	Bahasa Ibunda Bahasa Inggeris	- Motivasi - Konteks Formal
SK Topik Makanan dan Minuman (TMM)	- Afrika	Bahasa Ibunda Bahasa Inggeris	- Konteks Tidak Formal

SK Topik Jalan-jalan (TJ)	Bahasa Inggeris Bahasa Ibunda	- Linguistik (Intralinguistik) - Bukan Linguistik (Ekstralinguistik)
SK Topik Pejabat dan Kampus (TPK)	Bahasa Inggeris Bahasa Ibunda	



Rajah 1

Penggunaan Aspek Linguistik melalui Model Gardner (2010)

Model Gardner (2010) mengemukakan lapan aspek bagi pembelajaran bahasa asing. Lapan aspek tersebut ialah tetapan pendidikan, kebudayaan, kebolehan, motivasi, konteks formal, konteks tidak formal, linguistik (intralinguistik) dan bukan linguistik (ekstralinguistik). Menurut Gardner (2010:6), setiap pembelajaran bahasa memerlukan peringkat-peringkat mengikut tahap bagi seseorang penutur asing itu menguasai kosa kata, asas sistem bahasa dan sebagainya. Dalam konteks penguasaan bahasa Melayu untuk penutur asing, pengkaji memfokuskan pada aspek linguistik atau dikenal sebagai intralinguistik (internal bahasa). Intralinguistik dalam pembelajaran bahasa asing merangkumi empat kemahiran bahasa, iaitu kemahiran pertuturan (komunikasi), mendengar, membaca dan menulis. Dalam kajian ini, aspek intralinguistik difokuskan kepada ayat yang dituturkan dalam komunikasi dalam kalangan penutur asing. Hal ini bertepatan dengan permasalahan yang telah ditelusuri dalam bahagian kajian literatur yang kemahiran komunikasi (pertuturan) adalah kemahiran berbahasa yang paling utama menjadi kesukaran kepada penutur asing. Tambahan pula, objektif kursus bahasa Melayu yang ditawarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi kepada penutur asing yang melanjutkan pengajian di universiti di Malaysia ini ialah mereka dapat berkomunikasi dengan warga kampus dan masyarakat Malaysia meskipun hanya komunikasi tahap asas.

Seramai 30 orang penutur asing dan dua orang tenaga pengajar yang dipilih secara rawak berstrata dan juga dilabel sebagai PA1 hingga PA30 bagi mewakili 30 orang penutur asing dan 2 orang tenaga pengajar (TP). PA ialah singkatan bagi penutur asing. PA yang terlibat dan terpilih secara rawak

ialah PA1, PA2, PA3, PA4, PA5, PA6, PA7, PA8, PA9, PA10, PA11, PA12, PA13, PA14, PA15, PA17, PA20, PA22, PA25, PA29 dan PA30. Menurut Burgess (2006) dalam kaedah “Judgment and Opportunistic Sampling”, pengkaji boleh mengambil kira pemilihan latar dan responden berdasarkan kriteria yang dipilih, iaitu sama ada memilih informan yang mudah bekerjasama dengan pengkaji ataupun yang mempunyai latar belakang seperti yang dikehendaki oleh pengkaji.

Data yang dianalisis diambil daripada ayat komunikasi yang diujarkan oleh penutur asing. Ujaran tersebut diambil ketika aktiviti di dalam dan luar kelas secara pemerhatian ikut serta. Selain itu, pengkaji turut menemubual tenaga pengajar berkenaan ayat komunikasi oleh penutur asing yang pernah didengari oleh tenaga pengajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Data yang dianalisis juga dilihat dalam dua kategori utama, iaitu ayat komunikasi yang digolongkan sebagai “kesalahan” atau “kesilapan” atau kedua-duanya.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Terdapat enam data yang dibincangkan melalui hasil dapatan kajian yang telah diperoleh. Enam data ini merangkumi enam topik komunikasi yang kesemuanya memfokuskan pada perbincangan susunan kata. Hasil daripada perbincangan tersebut terhasil satu model yang dikenal sebagai Model PBMUPA sebagai panduan kepada penutur asing dan tenaga pengajar yang terlibat dalam kursus bahasa Melayu.

Komunikasi Intralinguistik: Susunan Kata dalam Penguasaan Bahasa Melayu untuk Penutur Asing

Aspek intralinguistik adalah satu istilah internal bahasa (sistem bahasa/ peraturan bahasa/ unsur linguistik) yang sangat jarang digunakan dalam membincangkan pendekatan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa asing, sedangkan istilah ini digunakan dalam kajian penguasaan bahasa asing di peringkat antarabangsa (Karim Shahbani et al., 2021; Kunjana, 2019; Gotti M.S., 2016). “Intralinguistik” ialah aspek formal dalam tatabahasa seperti penggolongan kata (Norliza, 2018). Dalam kajian ini, pengkaji mengetengahkan aspek susunan kata dalam ayat yang dipengaruhi oleh pengaruh bahasa ibunda, bahasa kedua dan beberapa aspek lain yang dapat membantu memudahkan pemahaman penutur asing (pelajar antarabangsa) di Malaysia atau penutur asing yang mengikuti kelas penawaran terbuka. Seperti yang telah dibincangkan, susunan kata (*word order*) masih menjadi satu kesukaran kepada penutur asing di universiti di Malaysia kerana mereka hanya mempunyai satu semester untuk mempelajari bahasa Melayu dan kursus ini diambil bukan atas minat tetapi faktor kursus yang wajib diambil bagi syarat bergraduasi. Maka, susunan kata dalam ayat berbentuk mudah dan ringkas masih menjadi kesukaran kepada penutur asing di universiti atau kelas terbuka sama ada dalam topik perihalan diri, topik makanan dan minuman atau topik-topik asas pemula (*beginners*) yang lain.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat enam data bagi topik komunikasi yang dikenal pasti berlaku kesukaran kepada penutur asing. Walaupun ayat ini hanya pada tahap asas, namun ayat ringkas dan asas inilah yang menjadi kesalahan dan kesilapan yang berulang kerana tidak diberi penekanan yang secukupnya. Hal ini ditunjukkan dalam Jadual 2 dan dikupas pada perbincangan selanjutnya.

Jadual 2

Aspek Intralinguistik dalam Topik Komunikasi

Data	Topik komunikasi	Label topik	Aspek intralinguistik (Susunan kata)
Data 1	Topik Perihal Diri	TPD	<u>Saya nama</u> Ahmad. Saya <u>asal</u> Yaman. Saya umur dua puluh dua. ____ Pelajar Bacelor Peubatan dan Sain Kesihatan (TPD1)
			Nama saya Ahmad. Saya berasal dari Yaman. Saya berumur dua puluh dua tahun. Saya pelajar Bacelor Perubatan dan Sains Kesihatan. (TPD2)
Data 2	Topik Keluarga	TKe	<u>Saya keluarga</u> tinggal di <u>China</u> . Saya enam adik beradik. Adik-beradik saya hidup dengan bahagia di sana. (Tke1)
			Keluarga saya tinggal di China. Saya ada enam orang adik beradik. Adik-beradik saya semua gembira di sana. (TKe2)
Data 3	Topik Perihal Kawan	TKa	<u>Saya kawan tinggi orang</u> .
			Kawan saya seorang yang tinggi.
Data 4	Topik Makanan dan Minuman	TMM	saya <u>membeli</u> nasi lemak <u>sama goreng ayam</u> (TMM1)
			Saya membeli nasi lemak dan ayam goreng. (TMM2)
Data 5	Topik Jalan-jalan	TJ	"Saya nak <u>ke</u> pergi <u>pada</u> jalan-jalan."
			Saya nak pergi jalan-jalan" (I want to go on vacation)
Data 6	Topik Pejabat dan Kampus	TPK	<u>"mesyuarat bilik"</u> atau <u>"perbincangan bilik"</u> (meeting room)
			"bilik mesyuarat", "bilik perbincangan"

Data 1

Komunikasi berkaitan Topik Perihal Diri (TPD)

Data 1 menunjukkan kesalahan dan kesilapan komunikasi yang dilakukan oleh penutur asing berkaitan ayat dalam topik perihal diri. Dalam penguasaan bahasa Melayu oleh penutur asing, kebiasaannya topik perihal diri adalah topik awal yang diajar oleh tenaga pengajar (TP). Maka, topik ini sangat penting diberi pendedahan asas sistem tatabahasa bahasa Melayu kepada penutur asing (PA). Antara aspek susunan kata yang sukar difahami oleh penutur asing adalah seperti berikut. TPD1 merujuk kepada ayat

yang mengandung kesalahan dan kesilapan oleh PA, manakala TPD2 ayat (susunan kata) yang betul seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 3

Analisis SK TPD

Kesalahan / kesilapan	Susunan kata dan ayat yang betul
<u>Saya nama</u> Ahmad. Saya asal Yaman. Saya <u>umur</u> dua puluh dua. _____ Pelajar Bachelo <u>Peubatan</u> dan <u>Sain</u> Kesihatan (TPD1)	<u>Nama saya</u> Ahmad. Saya berasal dari Yaman. Saya <u>berumur</u> dua puluh dua tahun. Saya pelajar Bachelo <u>Perubatan</u> dan <u>Sains</u> Kesihatan. (TPD2)

Analisis SK TPD ini melibatkan kaji selidik terhadap penutur asing (PA) dan maklum balas daripada tenaga pengajar (TP), iaitu PA dan TP yang dilabel sebagai PA1, PA5, PA17, PA30 dan TP1.

Jika dilihat dalam Analisis SK TPD1 terdapat beberapa kesalahan dari sudut susunan kata yang dituturkan dalam komunikasi. Susunan kata dalam komunikasi “Saya nama Ahmad” mengandungi kesalahan dari sudut susunan kata “saya nama” (frasa nama + frasa nama). Ayat yang menggunakan susunan kata yang betul ialah “Nama saya Ahmad”. Walaupun susunan kata ini dilihat sangat mudah bagi penutur jati atau seseorang yang tidak pernah terlibat dalam pembelajaran bahasa asing, tetapi susunan kata bagi frasa nama yang asas inilah yang menjadi kesukaran kepada penutur asing. Bukan sekadar kepada frasa nama dalam topik memperkenalkan diri, namun bagi topik-topik seterusnya, penutur asing jelas masih melakukan kesalahan atau kesilapan dalam susunan kata (intralinguistik) ini. Ini sangat penting dititikberatkan oleh tenaga pengajar yang memahami bahawa penutur asing dalam kursus bahasa Melayu adalah daripada pelbagai latar belakang dan berasal daripada berbagai-bagai negara (Muhammad Fawiz et al., 2020). Mereka mempunyai pengaruh bahasa ibunda dan bahasa kedua dalam menyusun perkataan setelah memadankannya dengan bahasa Melayu (Arina et al. 2020). Bahasa ibunda mempunyai pengaruh terhadap penutur asing mahupun penutur bukan natif (Salinah, 2015). Misalnya, sesetengah penutur asing hanya menguasai bahasa ibunda mereka dan tidak begitu mahir dalam bahasa Inggeris. Maka, dalam proses pembelajaran bahasa Melayu, mereka akan merujuk kepada padanan susunan kata bahasa ibunda berbanding bahasa Inggeris yang digunakan oleh tenaga pengajar ketika mengajar. Hal ini perlu dititikberatkan dengan sewajarnya oleh tenaga pengajar yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing atau pelajar antarabangsa dalam konteks kajian ini.

Dalam konteks analisis SK TPD, susunan kata sedemikian berlaku disebabkan sistem tatabahasa bahasa Melayu mendahulukan kata yang diterangkan sebelum meletakkan kata yang menerangkan (Zeckqualine et al., 2020). Kesalahan susunan kata “saya nama” berlaku disebabkan penutur asing terpengaruh dengan padanan bahasa Inggeris (Zeckquamelai et al., 2020) yang diketahuinya. Penutur asing sememangnya akan terpengaruh dengan padanan bahasa Inggeris kerana bahasa tersebut adalah salah satu bahasa sumber yang dikuasai dengan baik selain daripada bahasa ibunda.

Susunan kata dalam ayat yang lain, iaitu “Saya asal Yaman” masih boleh diterima walaupun penutur asing ini tidak menggunakan imbuhan “ber-”. Walau bagaimanapun, jika penutur asing mengaplikasikan imbuhan atau morfem terikat “ber-” yang menjadikan frasa itu kepada “Saya berasal Yaman”, maka pihak lawan bertutur lebih dapat memahami perkara yang ingin dikatakan kerana ayat lebih gramatis. Dalam ayat tersebut, apabila penutur asing menuturkan perkataan “berasal” dengan nada yang berjeda, iaitu “Saya berasal... (jeda 2-3 saat) (Kunjana, 2019), Yaman”, maka pihak lawan bertutur tadi akan lebih memahaminya. Dari sudut lain, penutur asing juga boleh menggunakan klausa yang lebih gramatis dengan penggunaan kata hubung “dari”, iaitu “Saya berasal dari Yaman.” Hal ini menjadikan susunan kata dalam ayat yang dituturkan lebih mudah difahami.

Dalam ayat yang terakhir dalam SK TPD1 ini menunjukkan terdapatnya kesilapan daripada sudut ortografi. Ortografi bermaksud kesilapan dari sudut ejaan dan tanda baca. Apabila seseorang PA memperkenalkan diri pada tahap asas pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing, PA yang berlatar belakang bahasa ibundanya ialah bahasa Arab sering melakukan kesilapan tanda baca noktah (.) dalam proses menyusun kata dengan lengkap dalam satu-satu ayat. Hal ini disebabkan bahasa Arab tiada hukum tatabahasa yang memerlukan noktah di akhir ayat. Begitu juga dengan peraturan meletakkan huruf besar di awal perkataan bagi kata nama khas dan permulaan sesuatu ayat. Maka, PA akan terikut-ikut dengan bahasa ibunda yang merupakan alat komunikasi yang diketahuinya. Dalam ayat ini turut diperhatikan bahawa tiada kata ganti nama diri pertama, iaitu “saya” sebagai subjek dalam ayat tersebut. Jika PA meletakkan subjek, ayat ini akan menjadi lebih gramatis, iaitu “Saya pelajar Bacelor Perubatan dan Sains Kesihatan. Dalam konteks ini, pengkaji ingin menjelaskan bahawa tahap asas bahasa Melayu kepada penutur asing (Muhammad Fawiz et al., 2020 & Mardian Shah et al., 2018) mestilah menggunakan ayat mudah sahaja tanpa mengaplikasikan ayat majmuk yang panjang, kata hubung yang banyak, kata terbitan yang kerap dan sebagainya. Misalnya, ayat “Nama saya Fatimah” lebih sesuai dimanfaatkan oleh penutur asing tahap asas (*beginners*). Ayat “Nama saya ialah Fatimah” adalah kurang sesuai diperkenalkan pada tahap asas. “ialah” kurang sesuai diperkenalkan pada tahap asas kerana kata pemeris ini sesuai untuk digunakan dalam kemahiran bertulis. Kata pemeris jarang-jarang digunakan dalam perbualan harian. Apatah lagi penutur asing sering mendengar pertuturan dalam kalangan masyarakat Malaysia lebih kepada “Nama saya, Fatimah” atau “Saya Fatimah”. Saranan susunan frasa dan ayat ini adalah dalam konteks perbualan asas atau permulaan bagi seseorang penutur asing dan pelajar antarabangsa. Ianya satu cadangan yang sangat asas tetapi sangat memberi impak apabila diteliti dengan mendalam akan penggunaan bahasa tersebut.

Data 2

Komunikasi berkaitan Topik Keluarga (TKe)

Dalam perbincangan tentang komunikasi TKe ini, aspek susunan kata (intralinguistik) yang akan diuraikan adalah mengenai frasa nama. Analisis TKe yang diperoleh adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.

Jadual 4

Analisis SK TKe

Kesalahan / kesilapan	Susunan kata dan ayat yang betul
<u>Saya keluarga</u> tinggal di China. Saya enam adik beradik. Adik-beradik saya hidup dengan bahagia di sana. (Tke1)	<u>Keluarga saya</u> tinggal di China. Saya ada enam orang adik beradik. Adik-beradik saya hidup dengan bahagia di sana. (TKe2)

Analisis SK TKe ini melibatkan kaji selidik terhadap penutur asing (PA) dan maklum balas daripada tenaga pengajar (TP), iaitu PA dan TP yang dilabel sebagai PA3, PA8, PA15, PA29 dan TP1.

Kesilapan yang sama masih dilakukan dalam ayat ini, iaitu “saya keluarga” kerana PA masih terbawa-bawa kesilapan yang sering dibuat dalam komunikasi topik awal, TPD. Susunan kata ini disebabkan pengaruh bahasa keduanya, bahasa Inggeris seperti yang diperoleh melalui temu bual bersama tenaga pengajar. Tenaga pengajar menyatakan bahawa “*frasa nama + frasa nama adalah kesilapan dan kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar saya disebabkan mereka terikut-ikut susunan dalam bahasa Inggeris. Dalam kelas saya boleh dikatakan bahasa kedua kebanyakan pelajar ialah bahasa Inggeris. Contoh susunan frasa nama + frasa nama ini seperti “saya keluarga”, “saya ayah” dan sebagainya.*”

Shahidi et al. (2014) menyatakan bahawa kesalahan dalam penggunaan bahasa Melayu oleh penutur bukan natif (termasuk penutur asing) dilakukan kerana pengaruh daripada aspek sebutan yang difahami mereka. Dalam konteks ini, susunan kata bagi frasa nama (FN) + FN ini boleh diminimumkan dengan peranan guru atau tenaga pengajar. TP boleh melakukan latihan pengukuhan yang berbentuk

interaktif menggunakan teknologi bagi membantu pemahaman PA tentang FN+FN, FN+FK, FN+FA atau FN+FSN. Topik paling awal dalam PBMUPA, iaitu TPD perlu memberi pengukuhan kefahaman susunan kata ini agar tidak lagi berlaku atau sekurang-kurangnya kesilapan ini berlaku secara minimum pada topik seterusnya.

Data 3

Komunikasi berkaitan Topik Perihal Kawan (TKa)

TKa dalam analisis seterusnya akan menghuraikan mengenai frasa nama dan frasa adjektif. Aspek susunan kata yang dianalisis melibatkan sifat yang digambarkan oleh seorang penutur asing terhadap kawannya.

Jadual 5
Analisis SK TKA

Kesalahan / kesilapan	Susunan kata dan ayat yang betul
<u>Saya kawan</u> tinggi orang.	<u>Kawan saya</u> seorang yang tinggi.

Analisis SK TPD ini melibatkan kaji selidik terhadap penutur asing (PA) dan maklum balas daripada tenaga pengajar (TP), iaitu PA dan TP yang dilabel sebagai PA2, PA3, PA11, PA22 dan TP1.

Dalam ayat bagi analisis TKA ini menunjukkan FN+FN subjek masih berlaku kesalahan. Subjek "Saya kawan" yang ingin disampaikan oleh PA ialah "Kawan saya". Namun, PA masih bercelaru seperti susunan frasa TPD yang telah dibincangkan. Hal ini memerlukan latihan atau kuiz interaktif mahupun amalan komunikasi yang menyeronokkan seperti berbual-bual tentang kawan baik. Amalan perbualan ini adalah antara tenaga pengajar dan PA ataupun antara PA dengan rakan-rakan penutur asli bahasa Melayu (Juwairiah et al., 2021). Dalam predikat ayat dalam TKe ini dapat diperhatikan frasa nama (FN) dan frasa adjektif (FA) tidak disusun dengan betul. 'Orang' merupakan penjodoh bilangan bagi manusia, manakala "tinggi" ialah sifat seseorang manusia yang dikatakan mempunyai ukuran tertentu. FN+FA bagi frasa tinggi "tinggi orang" juga sama seperti FN+FN yang dibincangkan sebelum ini, iaitu perlu meletakkan kata yang diterangkan sebelum kata yang menerangkan. Maka, susunan yang betul ialah "orang tinggi". Namun begitu, bagi ayat penuh dalam TKe ini "Kawan saya orang tinggi", sebetulnya perlu ditulis sebagai "Kawan saya seorang yang tinggi" kerana kata hubung "yang" dan penjodoh bilangan yang disertai "se-" menjadikan ayat ini lebih gramatis.

Data 4

Komunikasi berkaitan Topik Makanan dan Minuman (TMM)

Topik makanan dan minuman (TMM) merupakan topik yang sinonim dengan penutur asing kerana setiap hari mereka akan bertutur tentang topik membeli makanan dan minuman. Susunan kata dan aspek lain yang diperhatikan:

Jadual 6
Analisis SK TMM

Kesalahan / kesilapan	Susunan kata dan ayat yang betul
<u>saya membeli</u> nasi lemak sama goreng ayam (TMM1)	<u>Saya membeli</u> nasi lemak dan ayam goreng. (TMM2)

Analisis SK TPD ini melibatkan kaji selidik terhadap penutur asing (PA) dan maklum balas daripada tenaga pengajar (TP), iaitu PA dan TP yang dilabel sebagai PA4, PA6, PA13, PA25 dan TP2. Topik MM merupakan satu topik komunikasi yang sangat sinonim dalam penguasaan bahasa asing. Hal ini disebabkan topik berkaitan rutin harian makan dan minum ialah salah satu aktiviti rutin yang akan dilakukan oleh sesiapa jua dalam aktiviti seharian. Dalam hubungan ini, dapat diperhatikan topik sinonim begini juga masih berlaku kesalahan mahupun kesilapan oleh PA dalam perbualan mahupun penulisannya. Ayat "saya membeli nasi lemak sama goreng ayam" adalah menyalahi beberapa sistem asas dalam bahasa Melayu, iaitu susunan kata. Susunan kata "goreng ayam" ialah "ayam goreng". Dalam konteks ini, TP juga harus mengingatkan kepada PA bahawa tidak semua istilah dalam bahasa Melayu, hanya perlu diterbalikkan (disusun) bagi mengikuti hukum diterangkan dan menerangkan dalam susunan kata. Ada perkataan yang mempunyai padanan kosa kata tertentu, misalnya "pisang goreng" dipadankan dengan kosa kata dalam bahasa Inggeris sebagai "*banana fritter*" dan bahasa arab sebagai *almawz almaqliu* yang mana terdapat penambahan perkataan "al" untuk menunjukkan pemilikan dan perubahan kata apabila menjadi frasa nama. Namun, PA masih belum betul-betul menguasai atau berkemungkinan motivasi yang belum benar-benar kukuh untuk menguasai asas bahasa Melayu. Maka, frasa nama ini masih salah dipraktikkan walaupun telah diterangkan berulang-ulang kali pada struktur kata dalam topik-topik awal. Selain itu, kesilapan ortografi huruf besar pada permulaan ayat, iaitu "saya" yang seharusnya ditulis "Saya" biasa dilakukan oleh PA yang bahasa ibundanya bahasa Arab kerana peraturan bahasa Arab tiada hukum bahasa untuk huruf besar dan kecil, mahupun peraturan meletakkan noktah (.) seperti yang ditulis dalam ayat ini. Hal ini juga turut berlaku pada bahasa ibunda lain seperti bahasa Arab kerana bahasa-bahasa ibunda tertentu tidak mempunyai sistem pembeza huruf (Umi Nurun Ni'mah, 2012).

Data 5

Komunikasi berkaitan Topik Jalan-jalan (TJ)

Topik jalan-jalan biasanya diberi nama oleh tenaga pengajar sebagai percutian, hobi dan sebagainya. Analisis 5 ini tidak melibatkan komunikasi tertentu tetapi menghuraikan frasa nama dan frasa kerja yang digunakan oleh penutur asing dan tenaga pengajar terpilih. Huraian SK TJ ini melibatkan kaji selidik terhadap penutur asing (PA) dan maklum balas daripada tenaga pengajar (TP), iaitu PA dan TP yang dilabel sebagai PA7, PA9, PA12, PA14 dan TP1. Topik Jalan-jalan ini dibincangkan dari sudut senarai kata yang digunakan oleh PA. PA biasanya akan menggunakan frasa kerja bagi mempraktikkan ayat perbualan tentang topik jalan-jalan. "Jalan-jalan" bermaksud situasi bersiar-siar (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016), makan angin (simpulan bahasa) dan merehatkan diri ke sesuatu tempat yang menarik. Frasa kerja yang sering digunakan ialah jalan, makan, minum, beli, lihat, menaiki, bercuti dan sebagainya. Namun, dalam topik pembelajaran ini, aspek susunan kata bagi frasa yang melibatkan kata kerja tersebut perlu ditekankan kepada PA. PA perlu diberikan penjelasan dengan aktiviti pengukuhan yang interaktif (Noor Zuhidayah et al., 2016) agar mereka memahami bahawa kata kerja akan hadir selepas kata nama dan setiap kata kerja yang ada dalam bahasa sumber tidak semestinya sama dengan bahasa sasaran.

Contohnya, "Saya nak pergi jalan-jalan" (*I want to go on vacation*) dipadankan dalam bahasa Inggeris – bahasa Melayu oleh PA dalam kajian ini sebagai "Saya nak ke pergi pada jalan-jalan". Hal ini disebabkan pengaruh bahasa sumber PA, iaitu bahasa Inggeris yang dipadan tanpa bimbingan TP dan secara literal semata-mata dan salah faham konsep susunan kata oleh PA. Kekeliruan ini berlaku disebabkan faktor kesalahan atau kesilapan. Kesalahan bermaksud PA sememangnya tidak memahami padanan bahasa sasaran kepada bahasa sumber yang diberikan oleh TP dalam modul atau bahan pengajaran. Kesilapan bermaksud PA tidak fokus dan cuai dalam membuat padanan makna dan maksud pada perkataan serta keseluruhan ayat. Hal ini menjadikan PA hanya mencari makna perkataan satu persatu secara literal. Situasi ini menyebabkan PA sendiri yang keliru, apatah lagi jika PA terus meneruskan tidak merujuk TP untuk membetulkannya. TP pula perlu pastikan beberapa contoh asas perlu diberikan dan dijelaskan sebagai panduan pada awal minggu kuliah bahasa Melayu agar isu padanan ini tidak berlarutan dan tidak berlaku kekeliruan.

Data 6

Komunikasi berkaitan Topik Pejabat dan Kampus (TPK)

Analisis dalam TPK akan memperkatakan tentang frasa nama, vokal dan konsonan yang mendasari susunan kata dalam komunikasi oleh penutur asing dan tenaga pengajar berlabel seperti yang berikut. SK TPK ini melibatkan kaji selidik terhadap penutur asing (PA) dan maklum balas daripada tenaga pengajar (TP), iaitu PA dan TP yang dilabel sebagai PA7, PA10, PA12, PA20 dan TP1.

Dalam topik ini, senarai frasa yang sukar difahami oleh penutur asing (responden yang terlibat) dibincangkan. Frasa yang sukar difahami dalam komunikasi adalah seperti "bilik mesyuarat", "bilik perbincangan", "tepati masa", "kertas", "kelas", "perpustakaan", "fakulti" dan sebagainya. Kesalahan mahupun kesilapan dilakukan ketika PA menyusun perkataan dalam ayat yang ditulis mahupun ketika mahu dituturkan. Kesalahan ini berlaku disebabkan kefahaman yang masih belum kukuh seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Misalnya "mesyuarat bilik" atau "perbincangan bilik". Namun, menurut salah seorang PA yang terlibat, iaitu:


"In the first week I was introduced to what the Malay language is, "bahasa", then the sounds, "bunyi", of the Malay language. Sounds of Malay word was long for me. Then, the next week I learned a lot more, "saya belajar macam-macam". During the first week I was not interested because I just wanted to pass, so when I was taught word order, it was like translation for me, it was not interesting for me and difficult to understand, "nak faham"."

Beliau berpendapat motivasi dan minat yang kurang terhadap bunyi dan frasa bahasa Melayu membuatkan dirinya kurang keinginan untuk mengingatinya pula tentang susunan kata. Contohnya, "meeting room" yang mudah disebut baginya. Bunyi perkataan bahasa Melayu agak panjang dan sukar berdasarkan dapatan yang diperoleh daripada PA tersebut. Sehubungan itu, keindahan dan mudahnya sebutan bahasa Melayu ini boleh dipamerkan oleh tenaga pengajar dan dimuatkan dalam sukatan dengan melakukan aktiviti kebudayaan seperti permainan tradisional, rumah terbuka, tarian tradisional, lagu moden dan tradisi Melayu, dan sebagainya. Hal ini disebabkan aspek kebudayaan dapat membantu PA menanggapi keindahan sesuatu bahasa. Walaupun ada perkataan yang panjang jika dibandingkan dengan bahasa lain, namun perbendaharaan kata bahasa Melayu sangat mudah dilentur oleh alat artikulasi manusia.

Model PBMUPA: Aspek Intralinguistik

Berdasarkan perbincangan yang telah dilakukan melalui topik-topik terpilih, iaitu topik TPD, TKe, Tka, TMM, TJ dan TPK, pengkaji membina satu model bagi memudahkan hasil kajian ini difahami oleh golongan sasaran yang terlibat dalam penguasaan bahasa Melayu untuk penutur asing. Golongan yang disasarkan untuk menambah baik proses penguasaan bahasa Melayu ini ialah penutur asing itu sendiri, tenaga pengajar, pihak yang menguruskan penawaran bahasa Melayu untuk penutur asing dan sesiapa sahaja yang terlibat dalam membantu keberkesanan bahasa Melayu kepada penutur asing, khususnya di Malaysia. Walaupun model yang dibina ini sesuai diaplikasi oleh golongan tersebut, namun pengkaji akan memfokuskan perbincangan model ini kepada tenaga pengajar yang terlibat. Model Penguasaan Bahasa Melayu untuk Penutur Asing (PBMUPA) adalah seperti yang digambarkan dalam rajah 2 yang berikut.

Rajah 2

Model PBMUPA: Aspek Intralinguistik

Penguasaan Bahasa Melayu untuk Penutur Asing (PBMUPA), konteks penguasaan bahasa asing bagi bahasa kebangsaan negara Malaysia yang menerapkan aspek internal bahasa dengan penekanan pada susunan kata. “*Word order*” ialah satu aspek peraturan bahasa yang sukar dan boleh jadi begitu sukar kepada penutur asing disebabkan pengaruh bahasa kedua dan bahasa asing yang berada dalam minda mereka. Peranan tenaga pengajar begitu penting dalam mendedahkan sistem asas dalam peraturan bahasa Melayu seawal yang mungkin dalam proses PBMUPA. PBMUPA dalam model yang dibina ini menunjukkan aspek yang mempengaruhi penutur asing dari pelbagai latar belakang (negara asal dan bahasa sumber). Model yang dijana ini dapat memberi panduan kepada tenaga pengajar agar menekankan aspek asas susunan kata yang perlu difahami penutur asing secara paling asas sehingga ke tahap yang sederhana atau lanjutan. Apabila dibincangkan hasil dapatan menggunakan aspek intralinguistik atau linguistik yang diutarakan oleh salah seorang pelopor bahasa asing, iaitu Gardner, maka TP, PA atau sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses pembelajaran PBMUPA ini. Walaupun pengkaji tidak membincangkan aspek lain dalam Model Gardner (2010) ini dan hanya membataskan pada aspek linguistik dan kesannya terhadap pemahaman PA dan sokongan eskternal (ekstralinguistik), namun begitu aspek lain, iaitu kebudayaan, kebolehan, motivasi, konteks formal dan konteks tidak formal perlu juga diberi perhatian.

Intralinguistik, khususnya aspek susunan kata merupakan aspek yang perlu menjadi pegangan kepada tenaga pengajar bagi membimbing penutur asing (Zaretsky et al., 2014). Intralinguistik yang berfokus kepada susunan kata yang dibincangkan ini merupakan internal bahasa yang mendukung pembelajaran dan penguasaan sesuatu bahasa asing. Internal bahasa dalam konteks kajian ini adalah asas sistem peraturan bahasa atau asas tatabahasa yang perlu dikuasai oleh tenaga pengajar bagi memudahkan mereka membimbing penutur (penutur asli atau penutur asing) dengan lebih teratur dan mudah. Intralinguistik boleh merangkumi asas peraturan bahasa dari segi kata, frasa dan ayat. Permulaan konteks penguasaan bahasa Melayu untuk penutur asing ialah penguasaan asas linguistik dan juga sukatan oleh tenaga pengajar yang memasukkan asas sistem peraturan bahasa Melayu untuk menjelaskan kepada penutur asing dengan teratur, berfakta, jelas dan seterusnya, dapat memahami penutur asing dan menarik minat mereka (Mardian Shah et al., 2018 & Rohaidah, 2018). Aspek intralinguistik luas dimanfaatkan oleh pengkaji dan sarjana luar negara dalam menyebarkan kemahiran berbahasa kebangsaan negara mereka (Karim Shabani & Javad Gholami, 2021; Schosler & Volker, 2013, Toru Kinoshita & Tomohiro Sakai, 2004). Dalam konteks intralinguistik ini, asas sistem bahasa Melayu yang diajari kepada penutur asing perlulah menitikberatkan latar belakang penutur asing itu sendiri dan pengaruh bahasa kedua dan pengaruh bahasa ibunda. Hal ini penting bagi tenaga pengajar mahupun penutur asing yang mempelajari bahasa menyedari keupayaan dan pengaruh bahasa sumber, sekali gus memudahkan proses pembelajaran.

Pengaruh 1, latar belakang penutur asing, adalah satu pengaruh yang akan membantu tenaga pengajar mahupun pihak yang menguruskan penawaran kursus bahasa Melayu untuk penutur asing bagi lebih memahami kehendak dan keupayaan penutur asing. Fenomena di Malaysia yang meletakkan penutur asing dari pelbagai negara dalam satu kelas adalah satu cabaran buat tenaga pengajar dan pihak pengurusan universiti (Mazlina, 2020; Mardian Shah et al., 2018). Hal ini memerlukan kreativiti oleh tenaga pengajar untuk menarik minat penutur asing menguasai asas bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Selain itu, tenaga pengajar perlu mengambil tanggungjawab untuk menguasai asas linguistik, terutama asas sistem tatabahasa bahasa Melayu khusus untuk pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Hal ini disebabkan rata-rata tenaga pengajar mempunyai jurusan sarjana muda bahasa Melayu atau sastera dalam pengkhususan bidang tertentu. Hal ini bermaksud tenaga pengajar tidak diberi pendedahan dan ilmu secukupnya untuk mengajar bahasa Melayu kepada penutur asing. Rata-rata penutur asing berasal dari benua berlainan yang menunjukkan bahawa mereka mempunyai bahasa sumber yang berbeza. Antaranya, penutur asing yang berasal dari benua Asia Tenggara (Indonesia, Brunei, Kemboja, Thailand), Asia Timur (China, Jepun, Korea), Asia Barat (Yaman, Arab Saudi, Egypt, Libya) serta Amerika dan Afrika (Somali, Sudan).

Pengaruh 2, pengaruh bahasa kedua dan bahasa ibunda, ialah salah satu faktor yang akan mempengaruhi sebahagian besar susunan kata dalam ayat (struktur ayat) yang diterjemahkan atau dipadankan oleh penutur asing. Namun, pengkaji tidak akan membincangkan isu terjemahan secara terperinci. Dalam konteks terjemahan, pengkaji hanya memfokuskan pada aspek susunan kata dan padanan kosa kata yang mendukung intralinguistik yang ingin dijelaskan. Menurut Salinah (2015), bahasa ibunda yang digunakan dalam proses pengajaran menyumbang kepada pencapaian pelajaran yang lebih baik berbanding proses pengajaran yang menggunakan bahasa lain seperti bahasa asing. Namun begitu, dalam konteks penguasaan bahasa Melayu untuk penutur asing, penetapan sukatan dan penyampaian ilmu oleh tenaga pengajar perlu mengutamakan aspek pengaruh bahasa kedua (bahasa Inggeris) dan bahasa ibunda dalam memperkenalkan asas sistem peraturan ayat bahasa Melayu. Hal ini sangat penting bagi menjamin asas kefahaman yang kukuh dalam diri penutur asing untuk memahami susunan kata dalam bahasa Melayu asas yang dipelajarinya. Di samping itu, jika tenaga pengajar dapat bertutur sedikit dalam bahasa ibunda penutur asing, ini dapat menarik minat mereka. Jika satu kelas mempunyai pelajar dari negara Arab Saudi, China, India dan Jerman sekurang-kurangnya tenaga pengajar mengetahui asas perbualan harian seperti memperkenalkan diri dan ucap selamat dalam dua bahasa ibunda. Contohnya, bahasa Arab dan China. Hal ini seperti yang dikatakan oleh Cao (2011) dalam Ubaid Ullah (2022) yang menyatakan bahawa penutur asing yang menyukai tenaga pengajar mereka akan membuatkan penutur asing tersebut suka bertanya dan aktif di dalam kelas.

Panduan kepada tenaga pengajar dari aspek linguistik, pengasingan kelas dan eksternal bahasa. Walaupun pengkaji menekankan peranan tenaga pengajar dan sukatan dalam Penguasaan Bahasa Melayu kepada Penutur Asing (PBMUPA), namun konteks tersebut melibatkan juga semua pihak yang terlibat dalam pengurusan dan penawaran PBMUPA. Pihak tersebut perlu prihatin dalam menyediakan satu panduan melalui kursus atau bahan yang berkaitan bagi membimbing dan membantu tenaga pengajar dan memantapkan sukatan pembelajaran. Berdasarkan analisis dan perbincangan yang dilakukan dalam topik TPD, TKe, TKa, TMM, TJ dan TPK membuktikan bahawa aspek intralinguistik, khususnya dalam aspek susunan kata, khususnya bagi frasa nama (seperti “nama saya” dan “keluarga saya”) wajar diberi keutamaan dalam topik awal bagi satu-satu sukatan PBMUPA yang diikuti oleh penutur asing pelbagai latar belakang dan bahasa sumber ini. Seperti yang disaran oleh kajian terkini oleh Muhammad Fawiz et al. (2020) dan Mazlina (2020), kelas PBMUPA wajar diasingkan mengikut negara asal penutur asing atau sekurang-kurangnya penutur asing yang benar-benar menguasai bahasa Inggeris atau kurang menguasai bahasa Inggeris agar tenaga pengajar dapat memilih dan menggunakan bahasa sumber yang diketahui oleh semua pelajar bagi mengajar aspek susunan kata dengan lebih optimum. Selain itu, Model PBMUPA ini turut mengutarakan satu lagi aspek lain selain intralinguistik, iaitu ekstralinguistik atau dikenal sebagai eksternal bahasa. Eksternal bahasa ini juga dapat membantu penutur asing. Pengkaji hanya memperkenalkan secara ringkas aspek ekstralinguistik dalam kajian ini, maka diharap penyelidik-penyelidik masa depan dapat memperincikannya dengan lebih mendalam. Dalam konteks ini, aspek eksternal bahasa atau ekstralinguistik yang dikatakan ini adalah sokongan luar yang dapat membantu penutur asing. Ekstralinguistik tersebut ialah pendedahan terhadap budaya orang Melayu atau orang Malaysia, persekitaran sebenar yang membantu pemahaman penutur asing, penggunaan teknologi seperti aplikasi (*application*) melalui telefon pintar dan bahan bantu pembelajaran bahasa yang boleh memanfaatkan bahan tradisional seperti kad, buku ringkas/ poket dan sebagainya.

5. Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh dan dibincangkan, diharapkan agar aspek intralinguistik dalam model baharu (Model PBMUPA) dapat menambah baik pelaksanaan penguasaan komunikasi bahasa Melayu untuk penutur asing, khususnya di Malaysia. Aspek susunan kata yang dibincangkan dalam enam topik terpilih yang telah diuraikan ini, iaitu TPD, TKa, TKe, TMM, TJ dan TPK menunjukkan bahawa pengenalan dan pendedahan terhadap frasa nama, frasa kerja dan frasa adjektif serta beberapa aspek lain seperti kata hubung perlu diberi pemahaman awal kepada penutur asing bagi mengelakkan kesukaran pemahaman PA. Hal ini juga sangat penting bagi memastikan motivasi penutur asing ini kekal tekal dari awal sehingga akhir kelas pembelajaran yang dilaksanakan. Pengkaji mencadangkan kajian aspek susunan kata ini terhadap kesan motivasi dan minat penutur asing untuk menguasai bahasa Melayu boleh dijalankan oleh pengkaji akan datang. Dalam konteks ini, aspek intralinguistik dalam Model PBMUPA yang menengahkan elemen latar belakang, bahasa sumber, pengasingan kelas, penguasaan aspek linguistik oleh tenaga pengajar dan sokongan eksternal kepada penutur asing diharap dapat membantu memberi panduan kepada semua yang terlibat dalam memastikan keberkesanan kelas bahasa Melayu kepada penutur asing demi melestarikan bahasa Melayu di peringkat global.

Rujukan

- Ahlam Ali Salim Halali, Lilliaty Ismail, Arshad Abd Samad, Abu Bakar Razali and Nooreen Noordin. (2022). Challenges in Academic Speaking for Non-Native Speakers: The Case of Libyan Students Studying in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, Vol. 30 (S1), 43-62. <https://doi.org/10.47836/pjssh.30.S1.03>
- Arina Johari, Nurul Jamilah Rosly, Mohamad Zuber Ismail & Akhmal Hakim Mohamad. (2020). *Bahasa Melayu untuk Penutur Asing, Modul Intensif Penutur Jepun*. P & C Pekan Centre.
- Burgess, R. (2006). *In the Field: Introduction to Field Research*. London, Routledge.
- Cho Minsung & Puteri Roslina Abdul Wahid (2013). Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing: Strategi Komunikasi dalam kalangan Pelajar Korea di HUFs (Hankuk University of Foreign Studies). *Jurnal Pengajian Melayu. Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 24 (1), 78–107. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9622>

- Corder, S.P. (2008). *Error Analysis, Interlanguage and Second Language Acquisition*. Cambridge University Press.
- Garis Panduan Kursus MPU; Kursus Bahasa Melayu Komunikasi dari laman sesawang Kementerian Pendidikan Tinggi, <https://jpt.mohe.gov.my/portal/index.php/ms/penerbitan/60-garis-panduan-mata-pelajaran-umum-mpu>
- Gaukroger, S. (1990). Experiment and the Molecularity of Meaning. In: Le Grand, H.E. (eds) *Experimental Inquiries. Australasian Studies in History and Philosophy of Science*, vol 8. Springer, Dordrecht. https://link.springer.com/chapter/10.1007/978-94-009-2057-6_7#citeas
- Gotti, M.S. (2016). The Translation of Legal Texts: Interlinguistic and Intralinguistic Perspectives. *Journal of English for Specific Purposes at Tertiary Level*. University of Bergamo, Italy. Vol. 4(1) (2016), 5-21. https://www.esptodayjournal.org/pdf/current_issue/3.6.2016/MAURIZIO-GOTTI-full-text.pdf
- Hasmidar Hassan, Mardian Shah Omar & Puteri Roslina Abdul Wahid. (2018). Kecelaruhan Morfologi dalam Penulisan Bahasa Melayu oleh Penutur Asing. *Jurnal Linguistik*. Vol. 22 (2) Disember 2018, 020-036.
- Junaini Kasdan, Yusmaniza Mohd Yusoff, Norhashimah Jalaluddin & Hasnah Mohamad. (2018). "Pembangunan Kit Video Pembelajaran Bahasa Melayu Penutur Asing Berteraskan Budaya". *Pendeta, Journal of Malay Language, Education and Literature*. Jilid 9, 144-157. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol9.11.2018>
- Juwairiah Osman, Mardian Shah Omar, Salinah Jaafar, Zuraina Ali, Suryanti Awang, Haslinda Hashim & Mardhiyyah Zamani. (2021). Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Kepada Penutur Asing: Pendekatan Teknologi (Apps) dan Program Pengukuhan Berdasarkan Model Kolb. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 5 (1), 65-82. <https://itlj.utm.my/index.php/itlj/article/view/66>
- Juwairiah Osman, Mardian Shah Omar, Salinah Ja'afar, Zaiton Zakarya & Nurul Afifah Adila Mohd Salleh. (2022a). Kepentingan Elemen Intralinguistik Dalam Penguasaan Bahasa Melayu Oleh Penutur Asing. *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Ke-11*, 189-208. https://fbmk.upm.edu.my/jabatan/jabatan_bahasa_melayu/seminar_antarabangsa_linguistik_dan_pembudayaan_bahasa_melayu-68292
- Juwairiah Osman, Mardian Shah Omar & Salinah Ja'afar. (2022b). Tumpuan Aspek Intralinguistik dan Ekstralinguistik dalam Pembelajaran Bahasa Melayu kepada Penutur Asing pada Era Norma Baharu. *Prosiding Seminar Linguistik Kebangsaan di Langkawi, Kedah*. 21-22 September 2022, 53 – 57.
- Juwairiah Osman & Mardian Shah Omar. (2021). Aplikasi Teknologi dan Motivasi dalam Kemahiran Berbahasa Melayu untuk Penutur Asing. *Jurnal Linguistik*. Vol. 25 (2) November 2021, 020-032. <https://plm.org.my/ejournal/index.php/jurnallinguistik/article/view/224>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim Shabani dan Javad Gholami. (2021). Terjemahan Intralingual: Kajian Bahasa Inggeris Biasa dan Khas VOA Inggeris. *Jurnal Pengajaran dan Kajian Terjemahan Bahasa Asing*. Vol. 6, No.3, 2021, 1-24.
- King, Lid. (2018). *Cambridge Assessment English Perspectives. The Impact of Multilingualism on Global Education and Language Learning*. The Languages Company.
- Klimova B. (2021a). An Insight into Online Foreign Language Learning and Teaching in the Era of COVID-19 Pandemic. *Procedia computer science*, 192, 1787–1794. <https://doi.org/10.1016/j.procs.2021.08.183>
- Klimova, B. (2021b). Cognitive, Mental and Social Benefits of Online Non-native Language Programs for Healthy Older People. *7th International Conference on Human Aspects of IT for the Aged Population, ITAP 2021, held as part of the 23rd International Conference, HCI International 2021; 12787 LNCS:251-259, 2021*. https://doi.org/10.1007/978-3-030-78111-8_17
- Kunjana Rahardi. (2019). *Pragmatik dalam Konteks Intralinguistik dan Ekstralinguistik*. Penerbit Amara Books.
- Mardian Shah Omar. (2018). Bahasa Melayu untuk Penutur Asing: Isu dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Kelas Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing. *Bab dalam Buku*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mardian Shah Omar. (2018). Bahasa Melayu Untuk Penutur Asing: Isu dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Kecerdasan Emosi Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Bab dalam Buku*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mardian Shah Omar. (2020). "Warganegara Asing dan Bahasa Melayu". *Majalah Dewan Bahasa*, Bil. 2, 4-6. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mardian Shah Omar, Hasmidar Hassan & Puteri Roslina Abdul Wahid. (2018). Strategi Pengajaran oleh Guru Bahasa Melayu terhadap Pelajar Asing dari Indonesia. *Kertas Kerja. Seminar Bahaasa Melayu untuk Penutur Asing*. Anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Mardian Shah Omar, Hasmidar Hasan, Salinah Ja'afar, & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. (2018). Halangan dalam Berbahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Indonesia di Malaysia. *Khazanah Melayu Serumpun Dalam Era Baharu*, 87-97. *Bab dalam Buku*. Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu, Universiti Malaya.

- Mardian Shah Omar & Mashrom Muda. (2019). Kemahiran Komunikasi Penutur Asing: Aplikasi Pendekatan Telefon Pintar dan Internet. *Malaysian Journal of Communication*. Vol. 35(4), 353-367. <http://ejournal.ukm.my/mjc/issue/view/1235>
- Marene Mohammad & Zaliza Mohd Nasir. (2022). The User-Friendliness and Effectiveness of the Interactive E-Book "Learn Malay with Rene" for Adult Foreign Speakers. *Innovative Teaching and Learning Journal*. Vol. 6, No. 2, 35 – 48. <https://itlj.utm.my/index.php/itlj/article/view/110>
- Mazlina Ahmad. (2020). Perkemas semula dasar bahasa Melayu untuk pelajar asing di IPT. <https://ismaweb.net/2021/03/11/perkemas-semula-dasar-bahasa-melayu-untuk-pelajar-asing-di-ipt/>
- Muhammad Fawiz Bakri, Anida Sarudin, Zulkifli Osman & Husna Faredza Mohamed Redzwan. (2020). Analisis Keupayaan Pelajar dalam Pembinaan Semula Kurikulum Bahasa Melayu Asas bagi Pelajar Antarabangsa Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, Vol. 8, (1), *Budiman Writers Association of Malaysia (Budiman)*. <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/123>
- Muhammad Safuan Yusoff, Irma Wani Othman, Herlina Jupiter & Saifulazry Mokhtar. (2021). Penguasaan Bahasa Ibunda Sebagai Medium Komunikasi Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Suatu Penelitian Cakna Bahasa Negara Berbilang Kaum. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. Vol. 6 (41), 38-54. <http://www.ijepc.com/PDF/IJEP-2021-41-07-04.pdf>
- Nik Safiah Karim, Farid M Onn, Hashim Haji Musa, Abdul Hamid Mahmood & Muhammed Salehudin Aman. (2016). *Tatabahasa Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli & Siti Saniah Abu Bakar. (2016). Hubungan Antara Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dengan Motivasi dalam Kalangan Pelajar di Jerman. *Pendeta, Journal of Malay Language, Education and Literature*. Jilid 7, 85 - 94. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1205/867>
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli & Siti Saniah Abu Bakar. (2018). Motivasi Pelajar dalam Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing. *Persidangan Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu kali Kelima di Tashkent, Uzbekistan*. Julai 2018.
- Norizan Che Su. (2018). Pengaruh Bahasa Ibunda Terhadap Pembinaan Struktur Ayat Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing. *Jurnal Linguistik*. Vol.22 (22), 010-019. <https://ejurnal.plm.org.my/index.php/jurnallinguistik/article/view/49/41>
- Norliza Jamaluddin. (2008). Kriteria penggolongan kata: Bahasa Yunani, Inggeris & Melayu. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 9, 139-162.
- Nurairhan Mat Daud, ed. (2018) *Bahasa Melayu untuk penutur asing: Isu dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- R.C. Gardner. (2010). *Motivation and Second Language Acquisition*. Book. Peter Lang.
- Richards, J. C., Platt, J. T., Weber, H. & Candlin C. N. (1992). *Longman Dictionary of Applied Linguistics*. Essex: Longman. Vol. 8, No. 3, 116-123.
- Riki Nasrullah. (2019). *Pengajaran Bahasa Indonesia Bagi Penutur Asing (BIPA) Perspektif Neuropsikolinguistik: Menguk Problematika Pengajaran Bipa*. Problematika Pengajaran BIPA, 100 - 117. Unpad Press. https://www.researchgate.net/publication/335970066_PENGAJARAN_BAHASA_INDONESIA_BAGI_PENUTUR_ASING_BIPA_PERSPEKTIF_NEUROPSIKOLINGUISTIK_MENGUK_PROBLEMATIKA_PENGAJARAN_BIPA
- Rohaidah Kamaruddin, Nurul Ain Ahmad, Jaslinawati Mohd Saad, Mastura Kamaruddin & Zuraini Seruji. (2018). Attitudes as Extra Linguistic Factor in Learning Second Language among Foreign Students in 5 Universities in Malaysia. *International Journal of Asian Social Science*. Vol. 8 (3), 116–123. <https://doi.org/10.18488/journal.1.2018.83.116.123>
- Salinah Jaafar. (2015). Penggunaan Bahasa Ibunda secara Inklusif dalam Pendidikan dengan Rujukan Bahasa Melayu. *Persidangan Sambutan Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa*. 23 Mac 2015. https://www.academia.edu/11501563/PENGGUNAAN_BAHASA_IBUNDA_SECARA_INKLUSIF_DALAM PENDIDIKAN DENGAN RUJUKAN KEPADA BAHASA MELAYU
- Schosler, L. dan Volker, H. (2014). *Intralinguistic and extralinguistic variation factors in Old French negation with ne-Ø, ne-mie, ne-pas and ne-point across different text types*. *French Language Studies* 24 (2014), 127–153, C _ Cambridge University
- Shahidi, A. H. & Langgau. S. (2014). Penelitian Akustik terhadap Aspek Sebutan Bahasa Melayu oleh Penutur Iban. *E-Bangi. Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 9 (2), 104-115.
- Siti Baidura Kasiran & Nurul Jamilah Rosly. (2011). Analisis kesalahan tatabahasa Bahasa Melayu dalam karangan pelajar asing di sebuah institusi pengajian tinggi awam. *2nd International Language Conference*. 22-24 April 2011, IIUM. <http://www.iiu.edu.my/ilc/>
- Siti Nuur Roihan Saidin. (2015). *Pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Pelajar Asing di Sebuah IPTA*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia.

- <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/82944>
- Siti Saniah Abu Bakar. (2013). Kekangan Pelajar Asing dalam Menggunakan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*. Vol. 3 (1), 52-60. <http://www.ukm.my/jpbm/current.aspx>
- Siti Saniah Abu Bakar. (2017). Komunikasi Interpersonal Guru Bahasa di Jerman. *GEMA Online® Journal of Language Studies Volume 17(2)*. <http://doi.org/10.17576/gema-2017-1702-14>
- Toru Kinoshita & Tomohiro Sakai. (2004). *Intralinguistic (Genre1) transferability and prototypicality of meaning of polysemous words: the case of BREAK.2*.
- Ubaid Ullah Ubaid, Joseph Ramanair, Souba Rethinasamy and Irfan Bashir. Pakistani Teachers' Views About Their Undergraduates' Willingness to Communicate in English Inside the Classroom. (2022). *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*. Vol. 30 (3), 1223 – 1243. <https://doi.org/10.47836/pjssh.30.3.16>
- Umi Nurun Ni'mah. (2012). Orotografi Arab dan Problematikanya. Universitas Muhammadiyah Yogyakarta. *Jurnal Bahasa dan Sastra, Adabiyāt*, Vol. XI, No. 1, Jun. 11(1), 142.
- Ware C, Dautricourt S, Gonneaud J and Chételat G. (2021). Does Second Language Learning Promote Neuroplasticity in Aging? A Systematic Review of Cognitive and Neuroimaging Studies. *Front. Aging Neurosci.* 12 November 2021.
- Wenying Jiang. (2009). *Acquisition of Word Order in Chinese as a Foreign Language*. Book. Berlin, New York: De Gruyter Mouton. <https://en.my1lib.org/ireader/914566>
- William, P. (2016). *Word Order in English Sentences: An ELB Grammar Guide. 2nd Edition*. English Lessons Brighton.
- Woolfolk, A. (2004). *Educational Psychology*. 9th Edition. Englewood Cliffs. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Zaliza Mohamad Nasir. (2015). Penguasaan tatabahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di IPTA. *Tesis PhD*. Universiti Putra Malaysia. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/71046>
- Zaretsky, E. dan Benjamin P. L. (2014). *Influence of Intra- and Extralinguistic Factors on the Distribution of Plural Allomorphs in German*. *California Linguistic Notes*. Vol. 39 (1) Fall.
- Zarina Othman. (2018). Bahasa Melayu Untuk Penutur Asing: Isu dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Kriteria Tenaga Pengajar Bahasa Melayu untuk Penutur Asing. *Bab dalam Buku*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zeckqualine Melai & Dayang Nurlisa Abang Zainal Abidin. (2020). Pengajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Asing: Analisis Pola Kesalahan Tatabahasa dalam Penulisan. *Issues in Language Studies*. Vol. 9 (1), 86-106. <https://doi.org/10.33736/ils.2351.2020>
- Zuraini Ramli. (2018). Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. *Bab dalam Buku*. Tinta Bahasa, 69-91.

Biodata Penulis

Juwairiah Osman ialah calon PhD dan Felo di bawah Skim Latihan Akademik Bumiputera dalam bidang linguistik gunaan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Beliau juga merupakan mantan tenaga pengajar bahasa Melayu kepada penutur asing di Universiti Malaysia Pahang dan telah memenangi pelbagai inovasi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Mardian Shah Omar ialah pensyarah kanan di Jabatan Linguistik Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Bidang kajian beliau ialah fonetik, fonologi dan bahasa Melayu penutur asing. Beliau berpengalaman luas dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing di dalam negara dan peringkat antarabangsa.